

penghakilan
Peraturan Akademik Terkini

tanggungjawab
Ibu di Bulan **رمضان**

garis panduan KPT
Menjadi Dasar

pergerakan diri
Di Bulan Ramadan

Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya Aidilfitri
Daripada warga Pejabat Pendaftar

Kandungan

- 5 - Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik
- 6 - Garis panduan KPT menjadi dasar perubahan polisi
- 8 - Penghasilan Peraturan Akademik Terkini
- 10 - Pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2008
- 11 - Carta organisasi BPO
- 13 - Bengkel Pemerkasaan Inisiatif Strategik
- 14 - Persiapan diri di bulan Ramadan
- 17 - Peranan ibu di bulan Ramadan
- 19 - Harapan Ramadan
- 21 - Ekspedisi tawan gunung
- 24 - Tahniah dan syabas
- 27 - Puasa dapat mengekalkan kualiti kerja
- 28 - Senyumlah duhai diri
- 30 - UTeM Terbilang
- 31 - Coretan aktiviti BKP
- 32 - Kemasukan pelajar Diploma Sesi 2013/2014
- 33 - Tamat pengajian
- 39 - Memori Hari Raya bersama mertua
- 40 - Salam perantauan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.
Segala Puji Bagi Allah Tuhan Sekalian Alam.

Surah Al-Qasas (Ayat 88).

"Dan janganlah kamu sembah di samping (menyembah) Allah tuhan yang lain. Tidak ada Tuhan selain daripada Dia. Segala sesuatu akan binasa selain daripada Tuhan Yang Maha Kuasa. Dialah yang menentukan segala sesuatu dan kepadaNya lah kamu dikembalikan."

Selawat Dan Salam Kepada Nabi Muhammad SAW.

Surah Al-Ahzab (Ayat 56).

"Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya memberikan selawat untuk Nabi (selawat Allah mererti memberi keampunan dan selawat malaikat meminta keampunan). Wahai orang-orang yang beriman ucapkanlah selawat untuk Nabi dan ucapkan salam penghormatan kepadanya."

Selamat Sejahtera Kepada Anda Dengan Rahmat Dan KeberkatanNya.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, kita dipanjangkan usia dan diberi peluang sekali lagi untuk beribadat di bulan yang mulia ini iaitu bulan Ramadan. Sebagaimana doa yang sering kita pohon kepada Allah, iaitu :

"Ya Allah, berkatilah kami di bulan Rejab dan Sya'ban dan sampaikanlah kami ke bulan Ramadan"

Surah Al-Baqarah (Ayat 183).

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu semoga kamu menjadi orang-orang yang bertakwa."

Editorial

Buletin TERAS Edisi ke-17, Julai 2013
Ramadan Al Mubarak

Kewajipan berpuasa telah Allah jelaskan di dalam Surah Al-Baqarah (Ayat 183). Berpuasa menuntut kita untuk menahan diri bukan sahaja dari lapar dan dahaga tetapi juga menahan penglihatan, pendengaran, perbuatan, perkataan dan menjaga hati agar tidak melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Sepertimana di dalam potongan ayat tersebut "semoga kamu menjadi orang-orang yang bertakwa", maka tuntutan ini amatlah penting untuk dijalani sepenuh hati semoga dengan ibadat puasa ini akan meningkatkan serta mendekatkan diri kita kepada Allah; dan agar Allah dengan limpah Kurnia dan RahmatNya menerima ibadat kita itu dan menjadikan kita hambaNya yang bertakwa.

Kewajipan berpuasa telah Allah jelaskan di dalam Surah Al-Baqarah (Ayat 183). Berpuasa manusia yang bertakwa akan mendapat ganjaran syurga serta diberi rezeki dan dimudahkan oleh Allah perjalanan hidupnya dari sumber yang tidak dijangka dan kadang-kadang tidak disedari oleh manusia sendiri sepertimana firman Allah di dalam Surah Al-Talaq (Ayat 2) di bawah. Hanya manusia yang bertakwa sahaja akan mensyukuri segala pemberian yang Allah beri tidak kira jika ianya berupa rezeki atau dugaan musibah yang melanda.

Sudah banyak kelebihan bulan Ramadan yang kita dengar dan baca sebelum ini, maka editorial kali ini tidak akan menukilkan perkara tersebut dengan panjang lebar. Bagi menambah iltizam dan semangat kita untuk beribadah dengan sepenuh hati di bulan yang mulia ini, maka dilampirkan potongan ayat-ayat daripada Al-Quran yang menjelaskan ganjaran yang bakal diperolehi oleh manusia yang beramal soleh termasuk berpuasa.

Surah Al-Qalam (Ayat 34) :

"Sesungguhnya bagi orang-orang yang bertakwa disediakan syurga-syurga yang penuh kenikmatan di sisi Tuhannya."

Surah Al-Hujurat (Ayat 13) :

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa dari kalangan kamu."

Surah Al-Talaq (Ayat 2) :

"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan menjadikan baginya jalan keluar dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka."

Surah Al-Ahzab (Ayat 35) :

"Sesungguhnya lelaki dan perempuan yang Islam, lelaki dan perempuan yang beriman, lelaki dan perempuan yang taat, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, dan lelaki dan perempuan yang banyak mengingati Allah, Allah akan menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar."

Surah Qaf (Ayat 31 ~ 34) :

"Dan (ingatlah) pada hari (didekakan) Syurga bagi orang-orang yang bertaqwa, di tempat yang tidak jauh (dari mereka). (Serta dikatakan kepada mereka): Inilah yang dijanjikan kepada kamu, kepada tiap-tiap hamba yang sentiasa kembali (kepada Allah dengan mengerjakan ibadat), lagi yang sangat memelihara dengan sebaik-baiknya (segala hukum dan peraturan Allah); (yaitu) orang yang takut (melanggar perintah Allah) Yang Maha Pemurah, semasa tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Allah, serta ia datang (kepada Allah) dengan hati yang tunduk taat."

Surah An-Nahl (Ayat 97) :

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. "

Surah Al-Hadid (Ayat 21) :

"Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar. "

Keluaran Buletin TERAS Edisi ke 17 pada kali ini menggabungkan juadah minda yang berkisar secara khususnya mengenai bulan Ramadan yang mulia ini yang bersangkutan dengan tugas dan tanggungjawab kita di tempat kerja. Antara topik yang diketengahkan adalah Persiapan Diri Di Bulan Ramadan dan Peranan Ibu Di Bulan Ramadan. Di samping itu, maklumat-maklumat semasa yang penting seperti Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik dan program-program yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar turut dimasukkan dalam keluaran pada kali ini.

Saya bagi pihak Sidang Redaksi Buletin TERAS Pejabat Pendaftar ingin mengambil kesempatan sempena bulan Ramadhan ini untuk memohon kemaafan jika ada sebarang nukilan dan gambaran yang diterbitkan mengguris hati atau menimbulkan perasaan tidak senang, maka dengan rendah diri kami mengharapkan para pembaca dapat memberi kemaafan kerana tujuan buletin ini diterbitkan adalah sebagai medium kepada semua warga Universiti khasnya dan pembaca-pembaca di institusi pengajian tinggi amnya untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang diharapkan bermanfaat kepada semua pembaca.


Selamat Berpuasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Majdharif Hj. Mahat.


Wassalam.

KUIH CARIPERKATAAN

- Juadah Solat
- Tamar Pahala
- Amalan Lailatul Qadar
- Batal puasa Terawih
- Sabar Berbuka
- Fidyah Bersahur
- Bermaafan Berpuasa
- Syawal Ramadan
- Taat Aidilfitri
- Ibadah Beraya
- Zakat Bersedekah
- Niat Penghayatan
- Iman Berzikir
- Silatullahim Bersalam
- Takbir Takwa
- Tadarus



KUIH TEKASILANGKATA



Soalan:

Melintang

1. Bulan mengumpul pahala
3. Sejenis kuih berwarna warni berlubang di tengah berintikan kelapa
7. Solat sunnat setahun sekali
10. Bila nak raya posmen sibuk hantar
9. Meriah kalau ada benda ni

Menegak

1. Menu utama Hari Raya
2. Nama lain kuih rose
4. Melekit dan manis
5. Kalau boleh semua rumah nak dapat
6. Dipasang bila hendak raya
8. Dibakar di tepi jalan

PERUBAHAN KE ARAH PENAMBAHBAIKAN POLISI KENAIKAN PANGKAT

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera*

Sebagaimana yang warga akademik mungkin telah maklum, universiti telah merangka beberapa perubahan besar terhadap 'Polisi dan Prosedur Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTeM' terutamanya pada bahagian pemarkahan yang lebih jelas dan pengkategorian semula elemen-elemen keserjanaan. Perubahan ini perlu dilakukan memandangkan tempoh pelaksanaannya yang telah melebihi 6 tahun dan kurang kompetitif berbanding institusi pengajian awam yang lain selain untuk memenuhi hasrat yang dinyatakan menerusi 'Garis Panduan Pelantikan dan Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia' yang diterbitkan Kementerian Pelajaran (dahulunya Kementerian Pengajian Tinggi) untuk menghasilkan profesor dan profesor ulung yang tidak diragui kredibilitinya. Perubahan polisi dan prosedur ini turut mengambilkira perkara-perkara yang diberi perhatian dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara untuk memantapkan lagi akademia supaya lebih menyeluruh di samping menyokong pembangunan modal insan ahli akademik, mengasah kepimpinan serta melonjakkan kecemerlangan akademik ke arah bertaraf dunia. Di samping itu, perubahan ini turut menyokong pencapaian enam tema utama Pelan Strategik 2012-2020 Universiti terutama terhadap strategi pengurusan bakat dalam melahirkan cendekiawan dan penyelidik yang bersemangat jitu, kompeten, berkepimpinan cemerlang serta mampu menjadi ejen perubahan dalam usaha pembangunan komuniti.

Sepertimana yang diketahui, para ahli akademik merupakan tonggak utama kepada keunggulan sebuah institusi pengajian tinggi yang menggerakkan perjalanan institusi berkenaan. Bukan sahaja universiti sentiasa berusaha untuk mencari pensyarah-pensyarah baru yang cemerlang tetapi turut bertanggungjawab untuk mengekalkan serta mendorong ahli akademik yang sedia ada untuk mencapai tahap tertinggi dalam laluan kerjaya bidang akademik. Mereka merupakan bakat-bakat intelektual yang mana tiada sempadan dalam bidang ilmunya. Justeru universiti sentiasa menggalakkan pensyarah agar terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan dan penerbitan supaya dapatan-dapatan baru diperolehi yang mampu melonjakkan nama universiti ke tahap yang lebih tinggi selain pengkomersilan dapatan penyelidikan dapat memberikan sumbangan dana kepada universiti.

S t a f A k a d e m i k

**PROFESOR DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**



Ahli akademik juga perlu lebih menonjolkan diri di dalam akademia di peringkat kebangsaan mahupun antara-bangsa bagi meningkatkan ketokohan akademik dan menjalinkan keserakanan dengan komuniti akademik yang tidak terhad di dalam universiti sahaja. Pendedahan dalam persidangan mahupun penerbitan aktif jurnal-jurnal berindeks tinggi mampu melonjakkan nama ahli akademik itu menjadi lebih dikenali.

Hasrat-hasrat universiti inilah yang dipamerkan menerusi 'Polisi dan Prosedur Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTeM' yang bukan hanya dijadikan sebagai panduan kepada laluan kerjaya pensyarah, namun yang utama adalah untuk meningkatkan lagi ketelusan proses kenaikan pangkat staf akademik supaya universiti mampu memperoleh ahli akademik yang berkualiti tinggi setanding dengan universiti-universiti tersohor di dunia.

Akhir kata saya amat berharap agar usaha universiti ini disambut baik oleh semua warga akademik dan kita sama-sama berusaha ke arah kecemerlangan diri dan juga universiti. Dengan pindaan polis dan prosedur ini saya yakin ia mampu menjadikan pensyarah sebagai seorang ahli akademik yang berkredibiliti dan jelas terbukti kesarjanaannya.

Wassalam

GARIS PANDUAN KPT MENJADI DASAR

Perubahan Polisi

Dalam usaha memelihara kredibiliti ahli akademik, satu panduan perlu diwujudkan dalam menetapkan tanda aras kepada pencapaian yang membolehkan seseorang ahli akademik sebagai memiliki tahap keserjanaan dan keilmuan yang istimewa melayakkan untuk dinaikkan pangkat. Justeru 'Polisi Dan Prosedur Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTeM' telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 16 Ogos 2006. Beberapa pindaan kecil telah dilakukan sejak itu namun ia tidak memberi implikasi besar terhadap pemarkahan yang ditetapkan. Perubahan terhadap pemarkahan adalah bermaksud ia menjadi lebih jelas, terperinci serta mengambil kira semua aktiviti akademik dan penyelidikan yang menjadi tugas pensyarah. Setelah lebih 6 tahun polisi ini menjadi sumber rujukan kepada pensyarah dalam proses kenaikan pangkat, masanya telah tiba bagi polisi ini disemak semula secara keseluruhan untuk memastikan relevansi dengan kehendak semasa universiti dan negara.

Pindaan polisi terhadap Polisi dan Prosedur Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTeM telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2013 bertarikh 3 Julai 2013.

Kesemua aspek ciri keserjanaan dan keilmuan telah diambil kira dalam polisi baru yang digarap semula dengan berpandukan kepada 'Garis Panduan Pelantikan dan Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia' di mana panduan yang diterbitkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (sekarang Kementerian Pendidikan) di mana kementerian telah mengambil prinsip-prinsip berikut dalam merangka panduan berkenaan:

- a** Autonomi dan akauntibiliti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dipertahankan bagi melaksanakan kesetaraan dalam kriteria, prosedur, proses dan mekanisme;
- b** Proses dan prosedur pelantikan kenaikan pangkat jawatan profesor mesti bersifat telus, adil dan mengikut masa yang ditetapkan;
- c** Kelompok utama kriteria ditetapkan untuk mencerminkan kesetaraan pertimbangan pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan profesor, namun pemberat dan wajaran setiap kriteria dalam lingkungan yang ditetapkan, boleh mengikut keperluan IPT;

d Satu titik pertemuan diusahakan dalam kalangan IPTA dan IPTS bagi kriteria, proses dan prosedur pelantikan dan kenaikan pangkat jawatan profesor di IPT; dan

e Garis dasar umum kriteria untuk semua IPT ditetapkan bagi menjamin kewibawaan dan keserjanaan profesor

Panduan kenaikan pangkat yang setanding dengan IPTA lain juga penting untuk mobiliti staf akademik sama ada antara jabatan di dalam fakulti, antara IPTA/IPTS yang lain mahupun yang melibatkan jaringan antara agensi awam dan swasta.

Staf Naik Pangkat Bagi 2013

Profesor (Gred Khas B)

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

- PROFESOR DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN

Profesor Madya (DS54)

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

- IR. DR. ROSLI BIN OMAR

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

- DR. BURHANUDDIN BIN MOHD ABOOBAIDER

- DR. MOHD FAIZAL BIN ABDOLLAH

Pensyarah Kanan (DS52)

FAKULTI KEJ. ELEKTRONIK & KEJ. KOMPUTER

- DR. MAI MARIAM BINTI MOHAMED AMINUDDIN

- DR. ABD MAJID BIN DARSONO

- IR. RIDZA AZRI BIN RAMLEE

- DR. MOHD SHAKIR BIN MD SAAT

- AMAT AMIR BIN BASARI

Oleh:
NOOR IZWANNI BINTI AMIL

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

- DR. FARIZ BIN ALI @ IBRAHIM

- MUHAMAD KHAIRI BIN ARIPIN

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

- DR. SUHAILA BINTI SALLEH

- DR. RAINAH BINTI ISMAIL

- FUDHAIL BIN ABDUL MUNIR

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

- DR. ZALEHA BINTI MUSTAFA

- DR. WAN HASRULNIZZAM BIN WAN MAHMOOD

- DR. FAIRUL AZNI BIN JAFAR

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

- DR. SHARIFAH SAKINAH BINTI SYED AHMAD

- ZERATUL IZZAH BINTI MOHD YUSOH

- NOR HASLINDA BINTI ISMAIL

- MUHAMMAD HAZIQ LIM BIN ABDULLAH

- NOR AZMAN BIN MAT ARIFF

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

- AMIR BIN ARIS

- DR. NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

- ENGR. ZOLKARNAIN BIN MARJOM

- ENGR. ASRI BIN DIN

- AHMAD ZUBIR BIN JAMIL

Jurutera Pengajar Kanan (J44)

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

- MOHD HANIF BIN CHE HASAN

- SYAHRUL HISHAM BIN MOHAMAD @ ABD RAHMAN

- AZRIN BIN AHMAD

- IR. NIK AZRAN BIN AB HADI

- ENGR. HANIZAM BIN HASHIM

- KHALIL AZHA BIN MOHD ANNUAR

- ENGR. MOHD SOUFWEE BIN ABD RAHMAN

- MOHD SAAD BIN HAMID

- SHAMSUL FAKHAR BIN ABD GANI

- ENGR. AHMAD FAUZAN BIN KADMIN

PENGHASILAN PERATURAN AKADEMIK & PANDUAN SISTEM PERATURAN AKADEMIK TERKINI

Pengurusan Akademik,
Pejabat Pendaftaran,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
76100 Durian Tunggal,
Melaka
Tel: 06-76881000 / 6086 / 6089

Peraturan Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka merupakan dokumen yang menggariskan syarat-syarat dan peraturan bagi mengikuti program pengajian seterusnya sehingga pengijazahan. Manakala Panduan Sistem Peraturan Akademik merupakan dokumen yang menerangkan secara lebih terperinci tentang pelaksanaan Peraturan Akademik.

Peraturan Akademik yang digunakan oleh Universiti di awal penubuhannya telah diluluskan pada 5 Jun 2001 selaras dengan kemasukan kohort pertama pelajar program Ijazah Sarjana Muda pada tahun tersebut. Sementara itu, Peraturan Akademik bagi program Diploma pula telah diluluskan pada 31 Julai 2002 bersamaan dengan kemasukan kohort pertama pelajar Diploma.

Sehingga kini, Peraturan Akademik UTeM telah melalui lima (5) kali proses pindaan untuk penambahbaikan seperti berikut :

Tahun	Perkara
2004	pindaan Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik
2007	pindaan Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik [Pindaan ini dilakukan berhubung perubahan nama Universiti dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka]
Bahagian Penulisan Akademik	
2010	pindaan Peraturan Akademik
Himpunan Ijazah	
2011	pindaan dan terjemahan Peraturan Akademik ke dalam Bahasa Inggeris
2013	pindaan Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik

Bagi melaksanakan proses pindaan Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik yang kelima, beberapa bengkel dan mesyuarat telah dianjurkan dan ianya melibatkan Dekan-dekan, Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-undang, Pengarah Pusat Komputer serta para pegawai yang terlibat secara khusus di pejabat-pejabat berkenaan. Setiap bengkel dan mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta Y.Bhg. Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM. Program-program ini telah diurusetikan dengan jayanya oleh pegawai dan staf Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar.

Perubahan-perubahan utama yang dilakukan terhadap dokumen Peraturan adalah untuk memastikan peraturan-peraturan tersebut selaras dengan agenda pengajian tinggi yang dilaksanakan di UTeM khasnya dan negara amnya. Ini termasuklah pelaksanaan Semester Khas Permulaan (SKP) bagi pelajar baharu Diploma, pelaksanaan pemindahan dan pengecualian kredit seperti yang terkandung di dalam surat Jabatan Pengajian Tinggi berhubung Dasar Jaminan Kualiti di dalam konteks Universiti, memasukkan keputusan-keputusan dasar yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Senat atau Jawatankuasa Tetap Senat, maklumat berkaitan program-program akademik atau Fakulti baharu serta maklum balas pelaksanaan peraturan di peringkat Fakulti.

Dengan pindaan Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik ini dapat meningkatkan lagi kefahaman serta kesedaran oleh warga Universiti khususnya di kalangan pelajar tanpa menimbulkan interpretasi yang pelbagai.

Oleh:
MARSITA BINTI MOHD TAIB

PERATURAN AKADEMIK & PANDUAN SISTEM PERATURAN AKADEMIK Program Ijazah Sarjana Muda & Program Diploma

PELAKSANAAN

Mei 2013 - Pelaksanaan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berlangsung dengan jayanya pada 21-23 Mei 2013 yang telah dipandu oleh Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa, Ketua Juruaudit Pejabat Pendaftar bagi Tahun 2013. Beliau turut dibantu oleh dua belas (12) orang Juruaudit Pejabat Pendaftar bagi melancarkan perjalanan audit ini yang telah berlangsung selama tiga (3) hari.

Audit Dalam

MS ISO 9001:2008

Antara tujuan Pejabat Pendaftar menggariskan Pelaksanaan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 adalah untuk:

- 1 Menilai pematuhan proses-proses Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar di setiap bahagian yang dijalankan berdasarkan keperluan dan objektif-objektif yang didokumenkan dalam SPK Pejabat Pendaftar;
- 2 Menilai bahawa proses-proses tersebut memenuhi keperluan dasar-dasar, prosedur-prosedur dan arahan-arahan kerja yang didokumenkan; dan
- 3 Memastikan bahawa SPK setiap bahagian di Pejabat Pendaftar adalah berterusan.

Hasil Dapatan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar dengan skop audit "Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia" yang telah dijalankan ke atas tujuh (7) Bahagian di Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Bahagian Pengurusan Organisasi, Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Cuti Belajar dan Bahagian Kesejahteraan Personel di Pejabat Pendaftar, telah menunjukkan usaha-usaha yang baik dalam pelaksanaan SPK yang didokumenkan selaras dengan MS ISO 9001:2008. Secara amnya, kebanyakan proses yang dijalankan di Pejabat Pendaftar memenuhi keperluan prosedur-prosedur kerja dan peraturan yang berkaitan.

Tahniah kepada semua warga Pejabat Pendaftar yang telah menjayakan Pelaksanaan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 Bagi Tahun 2013

Oleh:
LAILA ZAHIDAH BINTI A. RAHMAN



CARTA ORGANISASI

Bahagian Pengurusan Organisasi 2013

Pejabat Pendaftar

Ketua Bahagian
MOHD SHAHAR AKASHAH
Penolong Pendaftar Kanan (N44)

ZAIHASRAH ALIAS
Penolong Pendaftar (N41)

JABATAN KEWANGAN

JABATAN REKOD DAN ARKIB /
PERUBATAN

UNIT PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN PENTADBIRAN &
PENGURUSAN AM / MEL

UNIT PERUBATAN

UNIT REKOD DAN
ARKIB

NORALISA RAMLEE
Penolong Akauntan (W27)

**FARRA SYAKILA
NORAHMAD**
Pembantu Tadbir (N17)

**HAJAR SURIATI
OTHMAN**
Pembantu Tadbir (N17)

**ROSLITA JAAFAR
SITI NURJANNAH AHMAD**
Pembantu Akauntan (W17)

UNIT TIKET KAPAL TERBANG
/ UNIT PAKAIAN SERAGAM
/ UNIT SISTEM PERAKAM
WAKTU / MEL

MD RAZIP ZABA
Pembantu Tadbir Kanan (N22)

**RAFEDAH SAJADI
MUHAMMAD HAFEEZ ACHIM
MOHD ZARLIZAN ZAKARIA**
Pembantu Tadbir (N17)

RAHIM SULAIMAN
Pembantu Am Pejabat
Kanan (N4)

**MOHD ZULKIFLI ISMAIL
MOHD ZAKUAN AHMAD SHUKRI**
Pembantu Am Pejabat (N1)

**Bahagian Pengurusan Organisasi
Penolong Pendaftar Kanan (N44)**

Penolong Pendaftar (N41)

JABATAN PENTADBIRAN & PENGURUSAN AM/MEL

UNIT TIKET KAPAL TERBANG / UNIT PAKAIAN SERAGAM / UNIT SISTEM PERAKAM WAKTU / MEL

Urustadbir Pejabat Pendaftar:

- Tiket Kapal Terbang
- * Pengurusan Tempahan Tiket Kapal Terbang
- * Insuran kesihatan ke luar negara

Kad Matrik

- * Pengurusan Kad Staf & Kad Matrik Pelajar
- sepanjang tahun / pelajar baru / alumni

Pakaian Seragam

- * Pengurusan Penyediaan Sebut Harga Pakaian Seragam (Kain & Kasut)
- * Pengurusan Pelantikan Panel Jahit UTeM
- * Pengurusan Penyediaan Pakaian Seragam
- * Pengurusan Pengagihan Pakaian Seragam & Kasut kepada staf
- * Penyediaan Laporan Tahunan Pakaian Seragam

Perakam Waktu

- * Pengurusan Penyediaan Statistik Kehadiran Mingguan / Bulanan / Tahunan Pejabat Pendaftar
- * Pengurusan Garis Panduan Peraturan Kehadiran Staf
- * Merancang & menambahbaik sistem perakam waktu
- * Membantu PTJ berkaitan staf yang tidak mematuhi peraturan kehadiran universiti

Pengurusan Aset & Inventori

- * Pengurusan Pembelian Aset & Inventori
- * Pengurusan Rekod Aset & Inventori
- * Pengurusan Penyediaan Aset & Inventori
- * Pengurusan Proses Pelupusan Aset & Inventori Pejabat Pendaftar
- * Urusetia Jawatankuasa Aset & Inventori Pejabat Pendaftar
- * Penyelenggaraan Aset & Inventori Pejabat Pendaftar

Pengurusan surat menyurat Universiti & Pejabat Pendaftar :

- surat dengan tangan
- surat daftar
- surat pos biasa
- pos laju/kurier
- * memastikan peti surat PTJ berkunci
- * Pengurusan "Kad Nama" Pegawai Pengurusan & Profesional

Lain-lain

- * Perhimpunan Mingguan Pejabat Pendaftar
- * Pengurusan Kenderaan Pejabat Pendaftar
- * Pengurusan Bekalan Alat Tulis Pejabat Pendaftar
- * Logistik
- * Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pejabat Pendaftar

JABATAN REKOD DAN ARKIB/PERUBATAN

UNIT PERUBATAN

Pengurusan Klinik Panel Universiti:

- * Menguruskan bayaran bil inviois klinik panel setiap bulan.
- * Menguruskan bil tuntutan rawatan staf bagi rawatan pergigian dan pemeriksaan kesihatan bagi staf cuti belajar di klinik panel.
- * Menguruskan kelulusan pembayaran rawatan (spt: IJN, Hemodialis, pembekalan ubatan, alatan dan sebagainya) di Hospital Kerajaan .
- * Menguruskan pelantikan klinik panel berdasarkan penilaian prestasi Klinik Panel UTeM yang dilakukan dalam JPPPKU
- * Memastikan Klinik Panel yang dilantik mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan oleh UTeM sepertimana dalam Perjanjian Kontrak.
- * Memastikan sistem e-Klinik digunakan oleh semua klinik panel supaya pengesahan staf dapat dilakukan dengan lebih mudah semasa memberi kan rawatan
- * Menyediakan surat jaminan perubatan (GL) staf dan tanggungan yang layak untuk rawatan di Hospital Kerajaan.
- * Menguruskan pemeriksaan kesihatan bagi staf berumur 40 tahun ke atas
- * Membuat pemantauan ke semua Klinik Panel supaya perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada staf berada di tahap yang optimum.
- * Sentiasa membuat penambahbaikan kepada perkhidmatan perubatan universiti bagi menjamin mutu kesihatan yang baik kepada staf

UNIT REKOD/ARKIB

Pengurusan Rekod/Fail/Arkib Universiti:

- * Memastikan pengurusan rekod/fail dapat dilaksanakan dengan cekap disemua PTJ
- * Bertanggungjawab dalam membuat pelantikan penyelaras rekod, pegawai keselamatan rekod, pegawai pengelasan rekod dan sebagainya sepertimana dalam Arahan Keselamatan dan Akta Arkib Negara .
- * Mengurus Khidmat Konsultansi bersama penyelaras rekod PTJ dan wakil Arkib Negara.
- * Mengurus cadangan latihan berkaitan rekod kepada pegawai/kerani rekod.
- * Menyediakan klasifikasi fail dan penambahbaikan dengan bantuan Arkib Negara.
- * Menguruskan pelupusan Rekod yang telah tamat tempoh penyimpanan
- * Menyediakan Jadual Pelupusan Rekod Universiti.
- * Menguruskan penyediaan Dasar / Garis Panduan Pengurusan rekod serta Pemeliharaan bahan arkib
- * Pengurusan Koleksi Bahan Arkib
- * Melakukan pemantauan serta menjalankan audit rekod di semua PTJ

JABATAN KEWANGAN

UNIT PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan Pejabat Pendaftar:

- * Menguruskan dan mengendalikan proses Perolehan dan Pembelian
- * Menguruskan belanjawan dan menyediakan bajet
- * Menguruskan proses pembayaran dan tuntutan staf
- * Menguruskan Buku Vot Tahunan
- * Menguruskan Panjar Wang Runcit
- * Menguruskan bil tiket kapal terbang, bil klinik panel dan sebagainya
- * Jawatankuasa Perolehan Pejabat Pendaftar
- * Menyelenggara Rekod dan daftar Tabung Amanah PTJ
- * Menyediakan dokumen dan penyata bagi proses penutupan akaun akhir tahun
- * Menyediakan laporan prestasi perbelanjaan dan statistik yang berkaitan.
- * Pengurusan Bajet Majlis Konvokesyen

Oleh:
RAFEDAH BINTI SAJADI



BENGKEL PEMERKASAAN INISIATIF STRATEGIK

Pejabat Pendaftar

Bertempat di *Melaka International Trade Centre (MITC)*, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah mengadakan bengkel Pemerksaan Inisiatif Strategik Pejabat Pendaftar pada 11 Jun 2013. Bengkel ini telah dihadiri oleh Ketua-ketua bahagian dan turut disertai oleh beberapa orang pegawai di Pejabat Pendaftar. Yang mana ianya telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Pendaftar.

Bengkel ini membincangkan strategik-strategik yang akan dirancang dengan berpandukan kepada Pelan Strategik UTeM 2015-2020. Antara aspek yang ditekankan pada bengkel kali ini adalah Sistem ICT, Staf dan juga Sistem Kualiti.

Oleh:
MOHD HAIRULL BIN ABDOLAH

Ramadan kian kunjung tiba tidak lama lagi. Satu bulan yang boleh dianggap sebagai 'bonus' dari Allah S.W.T sebagai rahmat kepada hamba-hambanya. Ini kerana gandaan pahala beribadah di bulan ini dan ketika puasa adalah sangat hebat. Ia berdasarkan sebuah hadis Qudsi yang menyebut :

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ عَشْرًا أَمْثَلَهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ يَدْعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي

Bermaksud: "Setiap amalan anak Adam adalah digandakan pahalanya kepada sepuluh hingga 700 kali ganda, maka berkata Allah S.W.T : Kecuali puasa, sesungguhnya ia adalah khas untukKu dan Akulah yang akan membalas kebajikannya, mereka meninggalkan makanan, minuman dan syahwat mereka (di siang hari) hanya keranaKu." [Riwayat Muslim]

PERSIAPAN DIRI

Di Antara Bonus Dunia dan Akhirat

Cuba kita renungkan kembali, kita kerap kali akan merasa gembira apabila tiba hujung tahun kerana menantikan bonus dari majikan kita. Mengapa kita gembira bila mendapat bonus dan insentif? Sudah tentu jawabnya kerana "dapat duit". Mengapa kita seronok mendapat duit? Jawabnya, kerana boleh membeli bermacam-macam barang, itu dan ini, bergaya dan lain-lain. Tapi berapa lamakah keseronokan membeli banyak barang dan bergaya tadi? Sudah tentu jawabnya, bergantung kepada apa yang dibeli, ada yang rosak cepat dan ada yang lambat. Jika begitu, sekiranya barang itu lambat rosak, berapa lamakah keseronokan itu dapat bertahan? Jawabnya, paling lama adalah sekadar kita masih hidup sahaja. Baiklah, selepas kematian adakah masih ada seronok? Jika tidak, maka apakah perkara yang boleh menyeronokkan kita selepas mati? Jawabnya, tidak lain tidak bukan adalah pahala dan amalan yang dikumpul semasa hayat kita.

Di Bulan Ramadan

Jika banyak dan ada kualiti, semua matawang pahala itu akan memberi seribu satu macam keseronokan berpanjangan sehingga satu tarikh yang Allah S.W.T dan ia pastinya amat panjang.

Justeru, jika begitu, mengapa tidak lahir perasaan gembira dan seronok menerima kehadiran Ramadan sebagaimana seronoknya kita menerima bonus dari majikan? Sedangkan Ramadan adalah bulan bonus untuk meraih pahala sebanyaknya dan juga bulan yang dipermudahkan peluang untuk ke syurga Allah S.W.T serta redha Ilahi.

Tetapi yang menghairankan, ramai yang kelihatan lebih seronok mendapat bonus matawang keduniaan berbanding bonus pahala akhirat yang berkekalan. Perkara ini perlu difikirkan untuk memberikan masa untuk kita muhasabah diri masing-masing.

Allah S.W.T berfirman :

وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

“Dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.” [Surah al-Kahfi : 46]

Persiapan Meraih Bonus Ramadan

Lalu apakah persiapan kita untuk meraih bonus pahala di bulan Ramadan? Sememangnya perkara-perkara tersebut perlu ditekankan.

Pertama: Bertaubat Kepada Allah S.W.T Terhadap Segala Dosa Besar Mahupun Kecil

Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

Bermaksud: “Sesungguhnya Allah Ta’ala itu, (bersifat) baik, dia tidak akan menerima (sesuatu amalan) melainkan yang baik sahaja..” [Riwayat Muslim]

Sebelum kita memasuki Ramadan, pastikan kita telah memohon ampun kepada Allah terhadap kesalahan kita yang memungkinkan sesuatu amalan kita tertolak. Maksudnya, dengan kata lain sekiranya kita pernah bersangka buruk dengan Allah, kita hapuskan segala sangkaan itu dan perbetulkan aqidah kita menjadi baik supaya Allah menerimanya. Begitulah seterusnya setiap amalan dan perbuatan kita mestilah diperbaiki bagi memudahkan Allah menerima segala amalan kebajikan yang dilakukan.

Kedua: Memperbaiki dan Mengeratkan Silatur Rahim

Memperkukuhkan tali silaturrahim sesama manusia amatlah penting kerana ianya bersangkutan dengan hubungan manusia dengan Allah SWT. Leraikanlah permusuhan sesama kita dan saling bermaafan kerana Allah SWT tidak akan mengampunkan dosa manusia sesama manusia selagi mana mereka saling bermaafan. Sucikan diri dari perasaan dendam dan dengki sesama muslim sebelum tibanya Ramadan supaya amal ibadah pada bulan yang berkat ini dapat dirasai kemanisannya.

Rasulullah s.a.w bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ka’ab bin Ujrah:

“Berhimpunlah kamu sekalian dekat dengan mimbar. Maka kami pun berhimpun. Lalu beliau menaiki anak tangga mimbar, beliau berkata: Amin. Ketika naik ke anak tangga kedua, beliau berkata lagi: Amin. Dan ketika menaiki anak tangga ketiga, beliau berkata lagi: Amin. Dan ketika beliau turun (dari mimbar) kami pun bertanya: Ya Rasulullah, kami telah mendengar sesuatu dari tuan pada hari ini yang kami belum pernah mendengarnya sebelum ini

“Sesungguhnya Jibrail (A.S) telah membisikkan (doa) kepadaku, katanya: Celakalah orang yang mendapati bulan Ramadhan tetapi dosanya tidak juga diampuni. Lalu aku pun mengaminkan doa tersebut. Ketika aku naik ke anak tangga kedua, dia berkata lagi: Celakalah orang yang (apabila) disebut namamu di sisinya tetapi dia tidak menyambutnya dengan salawat ke atasmu. Lalu aku pun mengaminkannya. Dan ketika aku naik ke anak tangga yang ketiga, dia berkata lagi: Celakalah orang yang mendapati ibubapanya yang sudah tua atau salah seorang daripadanya, namun mereka tidak memasukkan dia ke dalam syurga. Lalu aku pun mengaminkannya.

[Hadis Riwayat Bazzar dalam Majma’uz Zawaid 10/1675-166, Hakim 4/153 disahihkannya dan disetujui oleh Imam Adz-Dzahabi dari Ka’ab bin Ujrah, diriwayatkan juga oleh Imam Bukhari dalam Adabul Mufrad no. 644 - Sahih al-Adabul Mufrad No.500 dari Jabir bin Abdillah]

Silatur Rahim yang paling utama adalah dengan kedua ibu bapa, adik beradik dan anak-anak.

Ketiga: Memperbanyakkan Puasa Di Bulan Syaaban Serta Melangsaikan Hutang Puasa Yang Lepas.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Usamah r.a. Beliau berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ لَمْ أَرَكَ تَصُومُ شَهْرًا مِنَ الشُّهُورِ مَا تَصُومُ مِنْ شَعْبَانَ

"Aku bertanya "Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di bulan Syaaban?" Lalu Rasulullah s.a.w menjawab :

ذَلِكَ شَهْرٌ يَعْمَلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ فَأُحِبُّ أَنْ تُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Baginda bersabda: "Itulah bulan yang manusia lalai darinya; - ia bulan yang berada- di antara bulan Rajab dan Ramadan. Di bulan inilah amal perbuatan manusia diangkat kepada Tuhan semesta alam, dan aku suka amalku diangkat ketika aku sedang berpuasa." [Riwayat Nasai dan Ahmad].

Berkenaan dengan anjuran memanfaatkan bulan Syaaban untuk menggantikan puasa sebagaimana diriwayatkan dari atsar berikut:

Ummul Mukminin, Aisyah r.anha berkata :

كَانَ يَكُونُ عَلَيَّ الصَّوْمُ مِنْ رَمَضَانَ فَمَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَقْضِي إِلَّا فِي شَعْبَانَ قَالَ يَحْتَجِي الشُّغْلُ مِنَ النَّبِيِّ أَوْ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: "Aku mempunyai hutang puasa di bulan Ramadan, dan aku tidak dapat menggantinya kecuali di bulan Syaaban, kerana sibuk melayani Nabi SAW. [Riwayat al-Bukhari]

Demikian peranan kita untuk mengingatkan isteri dan anak-anak kita agar memanfaatkan Syaaban bagi yang belum selesai menggantikan puasanya.

Keempat: Bermuhasabah dan Bertekad Untuk Berubah Dalam Menyambut Ramadan Kali Ini.

Bermuhasabah dengan menghitung diri dan amalan-amalan lepas di Bulan Ramadan. Adakah memberi kesan kepada diri ataupun tidak. Perbuatan muhasabah begini sememangnya dianjurkan. Ini juga merupakan jalan para sahabat r.a sebagai langkah untuk memperbaiki amalan mereka.

Diriwayatkan dari Ibnu Syimasah al-Mahri, dia berkata, "Kami menghadiri Amru bin al-Ash, ketika beliau sedang memandikan orang yang meninggal dunia, lalu beliau menangis lama dan memalingkan wajahnya ke dinding, maka anaknya merasa hairan seraya bertanya, 'Wahai ayahku, bukankah Rasulullah s.a.w telah memberikan khabar gembira kepadamu dengan hal demikian?' 'Amru berkata, "Sesungguhnya aku teringat ketika mana aku berada pada tiga keadaan dalam hidupku;

Pertama: Aku teringat setelah melihat diriku dahulu, tidak ada seorang pun yang lebih membenci Rasulullah s.a.w daripadaku, dan tidak ada sesuatu yang lebih aku sukai daripada aku dekat dengan beliau, sehingga aku berpeluang membunuhnya, kalau seandainya aku meninggal dalam keadaan tersebut nescaya aku termasuk penghuni neraka.

Kedua: Ketika Allah menjadikan Islam di dalam hatiku, maka aku datang kepada Rasulullah s.a.w dan kukatakan, 'Hulurkan tangan kananmu, kerana aku akan membaikatmu (memeluk Islam)', maka baginda menghulurkan tangan kanannya." Amru bin al Ash berkata, 'Lalu aku menarik tanganku'. Baginda bertanya: 'Mengapa denganmu wahai Amru?' Aku menjawab, 'Aku ingin memberikan syarat.' Baginda bersabda: "Kamu meminta syarat apa?' Aku menjawab, 'Dengan syarat aku diampuni.' Baginda bersabda: "Apakah kamu tidak tahu bahawa Islam telah menghapuskan dosa yang telah terdahulu, dan bahawa hijrah juga menghapuskan dosa yang terdahulu, dan haji juga menghapuskan dosa yang terdahulu.'

Ketiga: Ketika mana aku mendapat kekuasaan, adakah aku berlaku adil ataupun tidak."

Justeru, bagi memastikan Ramadan yang hadir kali ini tidak sia-sia, kita hendaklah berazam dengan sepenuh hati dan kerap berdoa untuk melakukan yang terbaik di samping tidak menjadikan hari-hari ibarat mutiara itu tidak terbuang dan berlalu begitu sahaja. Wallahu a'lam.

PERANAN IBU

Di Bulan Ramadan

Bulan Ramadan yang mulia sangat dinantikan oleh setiap Muslim yang beriman, kerana sangat dimaklumi bahawa bulan ini digandakan segala amalan kebaikan. Tidak hanya menahan makan dan minum malah menahan diri daripada melakukan maksiat serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa seseorang. Pendek kata, bulan puasa bukan sahaja bulan ibadat malah lebih luas lagi adalah untuk mendidik rohani dan jasmani seseorang individu. Oleh itu, setiap orang perlu membuat persediaan yang rapi dengan mengisi ilmu pengetahuan untuk menempuh bulan Ramadan selama sebulan ini.

Masa yang baik untuk memulakan latihan adalah apabila anak-anak telah mumayyiz, iaitu dapat membezakan perkara yang baik dan buruk

Demikian juga sebagai ibu kepada anak-anak, ibu akan memainkan peranannya sebagai penasihat, pembimbing dan 'pemujuk' kepada anak-anak untuk memenuhi kewajipan rukun Islam yang ketiga ini, yang mana kewajipan ini adalah dituntut kepada muslim yang telah baligh. Namun begitu, latihan awal adalah perlu supaya anak-anak ini dapat membiasakan diri dan menjadikannya sebagai satu tanggungjawab ke atas dirinya.

Masa yang baik untuk memulakan latihan adalah apabila anak-anak telah mumayyiz, iaitu dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Ini memudahkan ibu menerangkan tentang kelebihan berpuasa dan pantang larangnya serta dapat memaklumkan sekiranya tidak dapat meneruskan puasanya bagi mengelakkan kemudaratan.

Sesuai dengan ajaran yang disarankan oleh Rasulullah saw dalam melatih anak-anak mengerjakan solat iaitu sebelum mencapai usia baligh. Hadis yang bermaksud: "Suruhlah anak-anakmu mengerjakan sembahyang ketika umur mereka tujuh tahun dan pukullah mereka jika mereka enggan melakukannya ketika umur mereka sepuluh tahun." (H.R. Ahmad dan Abu Daud).

Dengan pendedahan awal ini, dapat menggalakkan kepada mereka untuk membuat kebaikan dan membiasakan dengan amalan soleh kerana anak akan membesar mengikut apa yang dibiasakan oleh ibu bapa.



Antara perkara yang perlu dilakukan kepada ibu bapa semasa bulan Ramadan ialah menggalakkan mereka yang kurang gemar berpuasa supaya cenderung melaksanakan kewajipan tersebut. Selain itu, terlebih dahulu ibubapa perlu menekankan ibadah solat terlebih dahulu sebelum ibadat puasa. Jika dilihat kedudukan ibadat dalam rukun Islam pun menunaikan solat mendahului ibadat puasa. Jangan terlalu teruja supaya anak berpuasa sehingga mengabaikan solat dan disebabkan itu jugalah ramai yang berpuasa tapi tidak solat. Seolah-olah puasa itu sebagai adat untuk menyambut hari raya sahaja.

Sediakan makanan yang berzat dan makanan sunnah Rasulullah s.a.w. untuk berbuka dan bersahur

Disebabkan itu, ibulah yang berperanan untuk mengingatkan mereka hakikat puasa yang sebenar, bukan semata-mata menahan daripada makan dan minum dan bukan juga untuk meraikan hari raya dengan mendapat baju raya dan duit raya sebagai ganjaran. Berilah pengetahuan yang benar kepada anak walaupun masih kecil, supaya mereka faham konsep Islam yang sebenar. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud : "Barangsiapa puasa Ramadan kerana beriman dan ikhlas, maka diampuni dosanya yang telah lalu dan yang sekarang". **(H.R. Bukhary Muslim)**.

Tunjuklah amalan-amalan dan ibadat sunat seperti membaca al-Quran, mendengar tazkirah sama ada dari televisyen, radio atau sebagainya. Jangan galakkan anak-anak menonton rancangan yang tidak bermanfaat sepanjang hari sehingga lalai dan mengabaikan ibadat wajib dan mungkin boleh mengganggu puasa seperti melihat masakan-masakan, aurat lelaki ataupun perempuan dan sebagainya.

Ibu juga perlu menunjukkan amalan yang mulia seperti sedekah. Ibu boleh meminta anak-anak menghantar makanan untuk berbuka puasa kepada jiran tetangga supaya anak-anak tahu tentang amalan ini dan dapat mengambil teladan daripadanya.


Dikeempatan ini juga, ibu sebagai pendamping yang paling baik untuk anak-anak supaya memiliki sahsiah yang baik. Ajari anak-anak makan secara berjemaah dengan keluarga semasa sahur dan juga berbuka. Pastikan anak-anak menunggu makanan di tempat makan supaya dapat menyegerakan berbuka puasa kerana ini juga merupakan salah satu sunnah Rasulullah s.a.w. Sambil menunggu untuk berbuka puasa maklumkan kepada anak mengenai fadhilat puasa di bulan Ramadan dan berbuka puasa. Daripada Sahl bin Sa'ad bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud : "Manusia sentiasa dalam kebaikan selagi mereka menyegerakan berbuka puasa". **(H.R. Bukhari dan Muslim)**

Sediakan makanan yang berzat dan makanan sunnah Rasulullah s.a.w. untuk berbuka dan bersahur. Tidak salah jika ingin menyediakan makanan kegemaran anak-anak atau keluarga bagi meraikan kejayaan berpuasa pada hari tersebut tanpa pembaziran. Malah lebih baik jika dapat amalkan cara hidup Rasulullah s.a.w. dengan menyediakan buah kurma sebagai makanan pertama semasa berbuka. Diriwayatkan dari Salman bin Amir, bahwa sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda : Apabila salah seorang diantara kamu puasa hendaklah berbuka dengan kurma, bila tidak ada kurma hendaklah dengan air, sesungguhnya air itu bersih. **(H.R : Ahmad dan At-Tirmidzi)**

Persiapkan anak-anak supaya bersedia untuk menunaikan solat sunat tarawih di masjid atau surau bersama keluarga. Selain dapat berjemaah, hubungan silaturrahim antara jemaah masjid juga dapat dijalin. Ini adalah kerana masjid juga merupakan tempat berkumpul umat Islam. Oleh yang demikian para jemaah dapat kenal-mengenal antara satu sama lain.

Sehubungan itu juga, walaupun ibu banyak memainkan peranannya dalam membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak bagi melaksanakan rukun Islam yang ketiga ini, bapa juga perlulah mengambil bahagian dalam usaha ini iaitu supaya melahirkan generasi yang beriman dan bertaqwa. Wallahu A'lam.

Oleh:
USTAZAH SYAMILAH BT MOHD ALI



HARAPAN RAMADAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T di atas segala kemudahan yang telah dipinjamkan demi meneruskan kehidupan dan kembali beramal kepada-Nya.

Saat-saat menjelang Ramadan, adalah saat-saat yang penuh harapan. Lebih manis apabila perbezaan suasana Ramadan pada tahun ini disambut bersama isteri tercinta. Ramadan merupakan bulan yang banyak mengandungi hikmah di dalamnya. Bertemu dengan bulan Ramadan adalah harapan besar bagi setiap umat saat ini, kerana Ramadan adalah bulan yang paling utama dalam satu tahun, dan Ramadan adalah harapan semua umat Islam yang beriman untuk memohon pengampunan dosa-dosa yang telah lalu.

Ramadan pada tahun ini sememangnya agak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Tahun ini, bagi pasangan yang baru mendirikan rumah tangga ini perlu bersiap sedia dengan beberapa perkara tambahan. Sebagai seorang suami seharusnya sifat kebertanggungjawapan dalam menyediakan perkara-perkara asas perlu diambil perhatian di kala menjelang bulan Ramadan ini. Selain perkara-perkara asas seperti memberi makan, minum, pakaian dan tempat tinggal dari usaha yang halal, sebagai seorang suami, ilmu pengetahuan berkaitan demi mendidik dan membimbing keluarga ke jalan yang diredhai Allah juga perlu ditingkatkan.

Setelah berpasangan ini, pelbagai harapan diletakkan demi menghadapi bulan yang penuh barakah ini. Antara pengharapan tersebut adalah:

a Menimba Sebanyak Mungkin Kebaikan Dan Pahala Bersama Pasangan

Bulan Ramadan merupakan bulan berkat, bulan rahmat, bulan keampunan serta mempunyai banyak kelebihan. Oleh itu, peluang ini seharusnya diambil oleh setiap pasangan suami isteri dalam meningkatkan akaun pahala masing-masing. Semoga pada bulan ramadan, diberikan kesempatan oleh Allah untuk kita menunaikan segala arahan-Nya bersama pasangan hidup seperti bertarawih, bersahur dan berbuka puasa bersama.

b Mempertingkatkan Daya Ketahanan Diri

Dalam kehidupan ini, pelbagai ujian akan ditempuhi oleh semua manusia dan tidak terkecuali bagi pasangan suami isteri yang baru mendirikan rumah tangga. Bak kata pepatah "Hidup Tidak Selalu Indah, Langit Tidak Selalu Cerah". Sebagai contoh kebanyakan pasangan suami isteri baru yang sering berkelahi dalam perkara-perkara yang kurang penting seperti pilihan perabot dan tempat makan. Masing-masing mahu mempertahankan ego sendiri dan merasakan bahawa pendapat mereka lebih baik daripada pendapat pasangan. Dalam situasi seperti ini sifat bertolak ansur dan kompromi amat penting. Sifat "*Better Be Kind Than Be Right*" mungkin bertepatan dipraktikkan sekiranya berlaku keadaan ini.

Ujian dan dugaan ini juga tidak mungkin lari dari terjadi di bulan Ramadan ini. Demi mencapai jalan keluar terhadap dugaan dan cabaran tersebut, pasangan akan bersama-sama mencari solusi agar satu titik penyelesaian ditemui. Kini, titik pertemuan tersebut ternyata lebih mudah ditemukan dengan gabungan ilmu dan buah fikiran antara suami isteri. Oleh itu, adalah diharapkan agar segala dugaan dan ujian yang hadir akan dapat mempertingkatkan daya kesabaran dan ketahanan diri sesama suami isteri.

c Mengukuhkan Ukhwah Dan Keakraban Antara Dua Keluarga

Sesungguhnya perkahwinan itu bukan sahaja ikatan antara suami dan isteri. Sebenarnya didalam konteks perkahwinan yang lebih mikro, seorang suami atau seorang isteri telah dijab kabulkan pada masa yang sama telah menjalinkan talian persaudaraan antara dua buah keluarga. Ibu dan bapa sebelah suami atau isteri kini telah menjadi sebahagian daripada saudara baru dalam kehidupan pasangan suami isteri.

Oleh itu, bulan Ramadan ini amat diharapkan menjadi salah satu platform dalam mengeratkan lagi talian persaudaraan tersebut. Keserasian antara kedua buah keluarga ini diharapkan dapat dipertingkatkan dengan aktiviti kebersamaan antara kedua belah keluarga seperti berbuka puasa bersama.

Rumah tangga yang ideal menurut ajaran Islam adalah rumah tangga yang diliputi Sakinah (ketenteraman jiwa), Mawaddah (rasa cinta) dan Rahmah (kasih sayang). Oleh itu, dengan kehadiran Ramadan pada kali ini diharapkan dapat membentuk satu lembaran kisah hidup yang lebih baik bagi pasangan suami isteri yang baru mendirikan rumah tangga.

Buat teman-teman yang bakal melangsungkan perkahwinan tidak lama lagi, ingatlah pasangan kita adalah milik Allah SWT. Jagalah amanah yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab dan kasih sayang. Semoga Allah SWT merahmati kita semua.

Oleh:

WAN NAZRUL SHUKRI BIN KAMARUL BAHARIN



EKSPEDISI TAWAN

Gunung Semeru dan Gunung Bromo

Indonesia

Kejayaan menakluki puncak Gunung Berapi Semeru dahulunya dikenali sebagai Mahameru merupakan gunung berapi yang masih aktif di Pulau Jawa. Ia mempunyai ketinggian 3,676 meter dari paras laut.

Ekspedisi kali ini juga mencatat sejarah apabila berjaya menawan Gunung Bromo. Gunung ini merupakan gunung berapi yang masih aktif yang mempunyai ketinggian 2,329 meter dari paras laut dan dianggap antara gunung yang terindah di dunia.

Sedikit coretan pengalaman yang dapat saya kongsi sepanjang ekspedisi ini dijalankan :

Hari Pertama (30 April 2013)

Pesawat AirAsia yang kami naiki selamat mendarat di lapangan terbang Juanda, Surabaya.

Hari Kedua (1 Mei 2013)

Selesai sarapan pagi, kami diberikan sedikit taklimat tentang pendakian yang akan dibuat dan menuju ke Klinik yang berhampiran bagi tujuan pemeriksaan kesihatan. Perjalanan mengambil masa 3 jam untuk tiba di Ranu Pani, Sendura. Setibanya di Rani Pani, Sandura, kami dikehendaki untuk membuat pendaftaran di Pejabat Taman Negara Bromo-Tengger-Semeru dan membuat persediaan terakhir dengan melakukan senaman ringan.

Dalam lingkungan pukul 12.30 tengahari, maka bermulalah perjalanan melalui trek dengan menempuh hutan renek menuju ke Pos 1. Perjalanan seterusnya ialah melalui trek yang ditumbuhi lalang tinggi melebihi tinggi 5 kaki. Sepanjang perjalanan ini terdapat banyak papan tanda dan ternyata perjalanan ke Pos 2 dan ke Pos 3 mengambil masa agak lama kerana jarak perjalanan yang panjang.

Di Pos 3, terdapat trek mendaki selama 15 minit dan perjalanan diteruskan kembali berbekalkan kudrat yang ada. Setelah melepasi Pos 4, kami tiba di kawasan Ranu Kumbolo lebih kurang pukul 2.15 petang.

Kami telah disajikan melihat pemandangan yang cukup indah dengan lautan lalang serta sebuah tasik membiru seluas lapan hektar. Suhu disekitar tasik tersebut agak sejuk dan mencapai 13 darjah celsius.

Laluan seterusnya sangat berbukit yang dipanggil 'tanjakan cinta' dan Jalur Oro-oro Ombo yang menampilkan sebuah kawasan padang rumput savana dihiasi dengan bunga lavender yang cukup cantik dan menakjubkan dengan keluasan kira-kira 100 hektar. Kawasan ini juga bersambung dengan hutan tertutup yang dipanggil Cemoro Kandang di ketinggian 3,095 meter untuk menuju ke Kalimati iaitu kawasan kaki Gunung Semeru.

Kami tiba di kalimati lebih kurang pukul 6.00 petang dengan jarak penglihatan yang agak terhad kerana senja telah melabuh tirainya. Dihadapan kami terlihat sayup-sayup Gunung Semeru yang berdiri megah dan bakal kami tempuhi keesokan harinya.

Hari Ketiga (2 Mei 2013)

Jam ditangan menunjukkan pukul 2.30 pagi, kami bangun untuk bersiap dengan pakaian yang tebal dan peralatan yang mencukupi.

Selepas mendengar taklimat dan doa selamat, kami bersiap sedia untuk bergerak dan perjalanan dimulakan pada 3.00 pagi dengan suasana sejuk menyelubungi setiap gerak perjalanan kami. Fizikal kami benar-benar teruji sepanjang perjalanan untuk ke Arcopodo yang mengambil masa 2 jam lebih.

Kami tiba di Arcopodo pada pukul 5.30 pagi dan kelihatan banyak bentuk batu yang cantik serta curam gaung yang begitu tinggi. Jelas kelihatan bentuk kon bayang-bayang Gunung Semeru yang menampakkannya.

Bermulalah pendakian yang amat mencabar kerana faktor fizikal tanah yang agak berpasir serta rapuh menyebabkan keletihan mula terasa dan secara tidak langsung menguji ketahanan mental dan fizikal kami. Setiap langkah diuji dan tiba di puncak Gunung Semeru lebih kurang pukul 9 pagi di ketinggian 3,676 meter/12,060 kaki.

Terdapat letusan kecil di puncak Semeru berlaku setiap 15 minit dengan mengeluarkan asap serta abu yang menjulang tinggi di angkasa. Wajah riang dan kepuasan terpancar di riak muka para peserta setelah berjaya menempuh pengalaman yang perjalanan yang agak sukar dan mememnatkan.

Perjalanan 21 jam dari Kalimati-puncak Semeru-Kalimati-Ranu Kumbolo-Ranu Pane Murapkan adalah perjalanan paling lama dalam sejarah pendakian saya.



Suasana pemandangan di Jalur Oro-oro Ombo yang menampilkan sebuah kawasan padang rumput savana dihiasi dengan bunga lavender yang cukup cantik dan menakjubkan

Hari Keempat (3 Mei 2013)

Selesai sarapan, kami meneruskan perjalanan ke Taman Nasional-Tenger dengan menaiki jip yang disediakan. Pada ketinggian 2,770 meter, gunung Panajakan memberikan kejutan dengan alam semulajadi yang amat menakjubkan. Perjalanan seterusnya melalui trek pacuan empat roda untuk ke Gunung Bromo.

Kami tiba di kawasan lapang yang dipenuhi kuda untuk disewa. Di sini kami berpeluang menunggang kuda untuk ke kaki Gunung Bromo. Di dalam perjalanan ke Puncak gunung Bromo, kami menemui Kuil Hindu-Budha berusia 600 tahun. Hanya sekitar 30 minit diperlukan untuk sampai ke Puncak Bromo bagi menikmati lahar gunung berapi dengan kepulan asap yang agak tebal. Segala pengalaman dan keindahan yang dilalui selama ini memaparkan kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T.

Hari kelima (4 Mei 2013)

Kami bergerak ke Lapangan terbang Juanda untuk kembali ke Malaysia

Bumi menghijau sayup mata memandang. Kesan letusan gunung berapi sekitar 195 tahun yang lalu

Alhamdulillah...Kejayaan mengibarkan bendera Malaysia dan UTeM di Puncak Gunung Semeru

m a h a m e r u
i n d o n e s i a
3,676 m



"Di dalam ruangan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syukur Alhamdulillah dan jutaan terima kasih kepada sokongan moral yang telah diberikan kepada saya dan rakan-rakan oleh pihak Universiti, Pejabat Pendaftar dan Bahagian Cuti Belajar kerana telah memberi saya peluang dan ruang untukmenjayakan Program Ekspedisi "Jejak Petualang II" Semeru-Bromo ini. Sesungguhnya alam ciptaan Allah S.W.T ini sungguh luas untuk dinikmati sebagaimana firman Allah (al-anbiya'(21:31) : *Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegarkan mereka; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani.*

Oleh:
MOHD NAZRUL BIN MOHD SHAFRI



TAHNIAH DAN SYABAS!!!

Oleh:
NORIHAN BINTI ABU NAWAR

Tahniah diucapkan kepada calon PPC dan penerima-penerima APC tahun 2012. Majlis gilang-gemilang yang diurus setiakan oleh Pejabat Pendaftar ini telah berlangsung pada 5 Julai 2013 alu bertempat di Dewan Besar UTeM.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan anugerah dan penghargaan pihak Universiti kepada warga universiti yang telah menyumbang prestasi kerja yang baik sepanjang tahun 2012.

Pada tahun lalu, seramai 152 staf universiti telah berjaya menerima APC dan tiga (3) orang staf pula dicalonkan bagi Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC).

PPC merupakan pingat yang julung-julung kali diadakan yang mana pingat ini dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Pencalonan ketiga-tiga staf telah dimajukan kepada pihak JPA. Penganugerahan ini akan dilaksanakan diperingkat Kementerian Pendidikan Malaysia.





Penganugerahan ini diberikan atas kecemerlangan yang luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam sumbangan di luar tugas rasmi.

Tahun ini juga pertama kali diperkenalkan insentif untuk penerima APC diubah daripada menerima wang tunai sejumlah RM1000.00 kepada Sijil Simpanan Premium bernilai RM1000.00

TAHNIAH DAN SYABAS BUAT SEMUA PENERIMA !!!

Semoga anugerah yang diterima meningkatkan prestasi kerja dan produktiviti dan dijadikan motivasi kepada warga UTeM yang lain.

CALON PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)

1. Wahi bin Nordin
2. Othman bin Mohd
3. Dr. Nurul Akmar binti Emran

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

1. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
2. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail
3. Prof. Madya Dr. Azizah binti Shaaban
4. Nurhafidz bin Abdul Sahak

5. Mohd Khairulhusaini bin Mohd Saad

6. Marshazliyana binti Md Sharip

7. Siti Mashani binti A Majid

8. Rahayu binti Omar

9. Norhayati binti Suandi

10. Azean binti Ahmad

11. Nurlela binti Ibrahim

12. Mohd Azlan Hafiz bin Mohd Roslan

13. Mohd Razali bin Abu Zahar

14. Tinta Firmannika bin Selamat

15. Zainuddin bin Abdul Hamid

16. Musliha binti Yusoff

17. Nooraznina Irma binti Mustafa

18. Rosmiza binti Mohd Saad

19. Nurul Afiza binti Bahari

20. Juraida binti Jamaluddin

21. Nur Jannah binti Hasimi

22. Mohammad Rafiee bin Sukiman

23. Shahrul bin Abdul Rahim

24. Norzam bin Sukari

25. Hamdan bin Daut

26. Norsuria binti Azis

27. Nur Fazilah binti Mohd Kassim

28. Hisyamuddin bin Jamari

29. Mohd Anas bin A'Denar

30. Ratnasaerah binti Azis

31. Mustaffa bin Jamak

32. Ahmad Fitri bin Abu Bakar

33. Mohd Nazrul bin Mohd Shafri

34. Mohd Zarlizan bin Zakaria

35. Hamizah binti Abdul Hamid

36. Ramasamy A/L Annachacam

37. Ahmad Fauzi bin Omar

38. Suhaimi bin Md Zin
39. Mustafa bin Ibrahim
40. Mohd Ridzuan bin Jalil
41. Noraini binti Zabidin
42. Noridah binti Talib
43. Rosidah binti Awang
44. Mariaty binti Mohd Saat
45. Surayah binti Sae
46. Rohana binti Nahrawi
47. Mohd Shahr bin Akashah
48. Suzana binti Lazim
49. Muhammed Rashid bin Mat Derus
50. Norhairol bin Khalid
51. Mohd Syahrizal bin Mohd Razali
52. Mi Azian binti Ab. Karim
53. Dr. Kok Swee Leong
54. Dr. Mai Mariam binti Mohamed Aminuddin
55. Dr. Ho Yih Hwa
56. Engr. Mohd Muzafar bin Ismail
57. Engr. Vigneswara Rao A/L Gannapathy
58. Prof. Madya Tan Kim See
59. Nik Mohd Zarife bin Hashim
60. Ahmad Nizam bin Mohd Jahari @ Mohd Johari
61. Siti Huzaimah binti Husin
62. Mohd Firdaus bin Abdul Jalil
63. Norhayati binti Hj. Mahat
64. Mahadi bin Salleh
65. Muhammad Syahrizan bin Johal
66. Dr. Gan Chin Kim
67. Dr. Abdul Rahim bin Abdullah
68. Ir. Dr. Md Nazri bin Othman
69. Prof. Madya Dr. Ismadi Bugis
70. Engr. Mohd Rusdy bin Yaacob
71. Sharin bin Ab Ghani
72. Musa bin Yusup Lada
73. Mariana binti Mohd Amin
74. Mohd Fadhil bin Ibrahim
75. Musa bin Abd Karim

76. Suhana binti Ariffin
77. Azhan bin Ab Rahman
78. Nurdiana binti Nordin @ Musa
79. Dr. Mohd Zulkefli bin Selamat
80. Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah
81. Dr. Suhaila binti Salleh
82. Hilmi bin Amiruddin
83. Fauzi bin Ahmad
84. Nazri Huzaimi bin Zakaria
85. Abdul Rafeq bin Saleman
86. Nidzamuddin bin Md. Yusof
87. Sharniza binti Zainudin
88. Razmi bin A Razak
89. Mad Nasir bin Ngadiman
90. Mohd Faizal bin Zailani
91. Md Isa bin Ali
92. Dr. Fairul Azni bin Jafar
93. Dr. Rose Farahiyan binti Munawar
94. Dr. Nur Izzan Syahriah binti Hussein
95. Masni Azian binti Akiah
96. Mahasan bin Mat Ali
97. Mohd Remy bin Ab Karim
98. Hasnorizal bin Hairuddin
99. Muhammad Helmi bin Kahar
100. Nazaruddin bin Md Yunus
101. Mohd Raduan bin Khalil
102. Dr. Zuhriah binti Ebrahim
103. Muhammad Syafiq bin Syed Mohamed
104. Dr. Asmala bin Ahmad
105. Dr. Ahmad Naim bin Che Pee @ Che Hanapi
106. Dr. Abd Samad bin Hasan Basari
107. Prof. Madya Dr. Burairah bin Hussin
108. Yahya bin Ibrahim
109. Nur Ain Zakirah binti Bahari
110. Sharudin bin Ab Majid
111. Mohd Nizam bin Said
112. Abdul Rahman bin Salleh
113. Dr. Zulisman bin Maksom

114. Dr. Juhaini binti Jabar
115. Isma Addi bin Jumbri
116. Iezwan bin Sabtu
117. Engr. Hassan bin Attan
118. Aminurrashid bin Noordin
119. Nur Rashid bin Mat Nuri @ Md Din
120. Rohana binti Abdullah
121. Nor'Emylia binti Mohamed
122. Ahmad Zubir bin Jamil
123. Engr. Ahmad Fauzan bin Kadmin
124. Zulridah binti Zulkefle
125. Azizi bin Osman
126. Dr. Shahrulanuar bin Mohamed
127. Prof. Madya Rosli bin Saadan
128. Nurdayana Izyan binti Ahmad Ahsan
129. Suhadawati binti Ahmad
130. Mohd Sujairi bin Harun
131. Sharifah Azimah binti Syed Aziz
132. Ramachandran Nair
133. Sarimah binti Zakaria
134. Mohd Rozaihan bin Yunos
135. Jamalindah binti Wahid
136. Nur Nabillah binti Mat Nor
137. Zulkarnain bin Sharif
138. Muhammad Ajlan bin Abu Chik
139. Mohd Amirul Anuar bin Abd Razak
140. Mohd Nor Azman bin Mustapa
141. Noor Azman bin Kamis
142. Mohd Arrawi bin Hj. Abdul Hamid
143. Ruslina binti Rusmani
144. Wan Imrul Nazimi bin Nordin
145. Ed. Soffuan bin Yusof
146. Hazilah binti Hamid
147. Nattrah binti Maarof
148. Farudin Hanif bin Ya'amah
149. Mariana binti Jelani
150. Mohd Nizam bin Bidin
151. Hanisah binti Hamdzah
152. Aswanzie Abbyd bin Zainal Abidin

Seperti kita sedia maklum berpuasa telah diamalkan semenjak dahulu lagi. Terdapat orang-orang dari pelbagai agama, budaya dan negara mengamalkan puasa mengikut definisi masing-masing.

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

"Berpuasalah supaya kamu sihat"

Bagi umat Islam, berpuasa dibulan Ramadan adalah masa yang ditunggu-tunggu untuk mendapat keberkatan selama sebulan. Selain itu juga berpuasa pada setiap Isnin dan Khamis dalam seminggu juga membawa kepada keberkatan dan kesihatan yang baik.

Bila badan kita kurang berkerja untuk menghadam makanan, kita akan mendapati badan sentiasa dalam kerehatan dan meningkatkan kecerdasan serta tahap konsentrasi.

Kesimpulannya, berpuasa di bulan Ramadan adalah amalan yang diamalkan oleh setiap individu muslim yang mahu mencapai tahap kesihatan dan kecerdasan minda secara optimum. Bukan sekadar diamalkan dalam bulan puasa malah boleh diamalkan pada setiap hari Isnin dan Khamis. Ini sudah tentu dapat meningkatkan kualiti kerja dan dapat mengurangkan waktu rehat untuk minum pagi dan makan tengahari.

PUASA DAPAT MENGEKALKAN

Dengan berpuasa, dapat membantu proses detoksifikasi dalam badan. Detoksifikasi adalah proses membersihkan badan daripada bahan buangan atau toksin. Sewaktu berpuasa, organ badan membersihkan dan berehat dan juga dapat mempercepatkan proses perkumbuhan dan pembentukan semula sel-sel badan.

Sesetengah individu melihat puasa sebagai kekangan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti atas alasan tiada tenaga kerana lapar dan dahaga. Persepsi ini sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam. Dengan berpuasa kita seharusnya perlu lebih peka memahami keadaan dan bagaimana kita dapat mengekalkan prestasi dan stamina yang boleh menyumbang kepada kualiti kerja.

"Empat perkara yang menggelapkan hati atau melembapkan otak: perut yang terlalu kenyang, berkawan dengan orang yang suka membuat maksiat, tidak insaf terhadap dosa-dosa yang lalu, panjang angan-angan." kata Sahabat Rasulullah S.A.W, Abdullah bin Mas'ud.

KUALITI KERJA

#3 BERSABARLAH

S.A.B.A.R. Perkataan yang cukup pendek, namun bukan mudah untuk dilakukan. Akal kita mungkin kadangkala cuba berkata, 'sabarlah'. Namun, hati yang panas mendidih tak mudah untuk disejukkan, apatah lagi untuk bersabar. Ya, perkataan SABAR sangat mudah dilafazkan, tapi untuk dilaksanakan, memerlukan usaha dari jiwa dan raga.

“**Banyak-banyaklah bersabar. Jangan ikutkan hati sangat.**”

“**Ahh... kau cakap memang la senang. SABAR, SABAR. Cuba kau yang tanggung, baru kau tahu macam mana sakitnya.**”

SENYUMLAH...

Untuk bersabar, kita perlukan kekuatan akal dan hati. Dua-dua penting dan perlu diutamakan. Andai salah satunya tidak memberikan kerjasama, maka sia-sialah usaha untuk bersabar.

Apabila sesuatu berlaku yang mengganggu pemikiran dan emosi kita, sentiasalah berfikir yang baik-baik. Kawal pemikiran kita. Jangan sesekali penuhkan ia dengan kemarahan atau dendam lantaran apa yang terjadi. Positifkan pemikiran. Fikir bahawa setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Terapkan dalam fikiran, bahawa semuanya akan baik-baik sahaja, insyaAllah. Andai berjaya kita kawal akal dari bersifat negatif, maka kemudiannya kita uruskan hati kita, emosi kita. Pujuklah hati dengan kata-kata yang melembutkan, kata-kata yang mendamaikan.

“**Sabarlah hati, moga-moga semuanya akan baik-baik nanti.**”

“**Banyak-banyaklah bersabar, lebih banyak kita bersabar, lebih manis yang kita dapat.**”

D u h a i D i r i

Ya, bukan sesuatu yang mudah untuk menundukkan hati, melembutkan hati. Apatah lagi, hati yang baru terguris, terhiris. Renungkan dan amalkan bait-bait lirik lagu di bawah. Moga lebih mudah kita menguruskan perihal hati, insyaAllah.

Ubat hati ada lima perkaranya

Yang pertama **baca Quran** dan maknanya

Yang kedua **solat malam** dirikanlah

Yang ketiga **berkumpullah dengan orang soleh**

Yang keempat **perbanyaklah berpuasa**

Yang kelima **zikir malam** berpanjanglah

#4 BERKATALAH YANG BAIK

“Ahh.. hati dah sakit sangat dah. Apa benda nya yang nak cakap elok-elok. Dah buat orang marah, memang maki la makan dia.”

“Suruh buat benda sikit macam tu pun dah tak boleh nak buat, baik tak payah ada pekerja macam ni. Hidup menyusahkan orang je.”

Biasa kan kita dengar ungkapan-ungkapan sedemikian? Kadangkala, seperti rutin. Setiap hari pasti ada kata-kata makian atau kata-kata kesat yang dihamburkan dalam persekitaran kita. Lebih parah apabila makian bertukar kepada hinaan. Apabila amarah sudah menguasai diri, maka akal fikiran bagaikan tidak berfungsi. Walau belajar tinggi, sijil penuh almari, dek kerana ikutkan emosi, laju mulut mencaci maki.

Sebenarnya, apa yang kita rasa bila berjaya menghamburkan kata-kata nista pada orang lain? Adakah kita merasa sangat puas seperti dendam yang terlunas? Atau kita merasa gembira bila kata-kata tersebut tepat mengenai sasaran, menyebabkan individu tersebut tersentak, terkesan dan terguris? Adakah kita mampu bergembira, sambil bertepuk tangan, melihat orang lain terluka dek kata-kata yang terungkap dari bibir kita? Andai YA jawapannya, tolong minta kawan-kawan azan kuat-kuat di telinga kita. Biar lari syaitan-syaitan yang membisik dan memarakkan dendam dalam hati kita.

Berfikirilah sebelum berbicara. Gunakan akal sebelum bersuara. Biar lama membisu, asalkan madah yang kita luahkan tidak sesekali mengguris kalbu. Jangan sesekali berniat menyakiti hati saudara kita dengan kata-kata. Apabila bertindak atau berkata-kata, sentiasalah meletakkan akal di depan, bukan emosi. Fikir sebaiknya. Andai ada kata-kata yang ingin diluahkan, fikirkan adakah kata-kata tersebut mampu mengguris hati orang lain.

Tidak salah andai ingin menegur. Tapi biarlah teguran yang membina. Teguran yang memberikan keinginan untuk memperbaiki kesilapan. Teguran yang memberi keinsafan. Bukan teguran yang menimbulkan sengketa, membangkit dendam dalam jiwa.

Ungkapkanlah kata-kata yang baik kerana berkata yang baik-baik mampu memberikan kesan yang positif dalam diri kita. Biarlah apabila kita berbicara, orang yang mendengarnya tersenyum gembira bukan bermuram durja.

Oleh:

MUHAMAD HAZRUL BIN MD ESA K.B, P.A (Mal)

Pegawai Psikologi, Kaunselor Berdaftar, SPT Practitioner, Certified Hypnotist

daripada kami:
Bahagian Pembangunan
Sumber Manusia (HRD),
Pejabat Pendaftaran

Selamat hari raya
AIDILFITRI Maaf Zahir dan Batin



daripada kami:
Bahagian Pengurusan
Organisasi (BPO),
Pejabat Pendaftaran

UTeM

Tingkat Kefahaman Dan Peranan Staf Dalam Organisasi

Terbilang

Program UTeM Terbilang Bil. 1/2013 telah diadakan pada 13 - 17 Mei 2013 bertempat di Auditorium Canselori dan Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka. Program kali ini melibatkan seramai 42 orang staf yang terdiri daripada 34 orang staf akademik dan 8 orang staf pentadbiran. Program telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan pada 13 Mei 2013 bersempena dengan Majlis Aku Janji Staf Baru yang merupakan salah satu agenda utama dalam program ini.

Program UTeM Terbilang adalah bertujuan untuk memberi kefahaman tentang hala tuju Universiti kepada staf baru. Pelaksanaan program ini telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi ceramah dan sesi kerja berpasukan. Sesi ceramah telah diadakan di Auditorium Canselori selama 3 hari bermula pada 15 - 17 Mei 2013 yang menyentuh tentang topik Pengurusan Universiti. Ceramah telah dikendalikan oleh Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan Universiti.

Sebelum itu, program orientasi staf baru telah diadakan di Kem Lambaian Danau, Jasin pada 13 - 14 Mei 2013. Pada sesi ini, peserta telah didedahkan dengan aktiviti "Water Confidence", "Night Walk", "Lake Exploration" dan "War Game" yang dikendalikan oleh fasilitator dari Kem Lambaian Danau. Program selama dua (2) hari itu bertujuan untuk merapatkan silaturahim di kalangan staf baru tanpa mengira gred jawatan melalui beberapa program yang disediakan.

Program yang dirancang selama 5 hari dan telah dilaksanakan diharap dapat membantu meningkatkan pengetahuan staf tentang hal ehwal universiti dan peranan yang perlu dilaksanakan di sepanjang perkhidmatan mereka di UTeM.



Oleh:
MOHAMAD YUSOF
BIN MOHAMAD DAN

Selamat Hari Raya Aidilfitri daripada kami *Maaf Zahir dan Batin*
BAHAGIAN DASAR DAN KUALITI PENGURUSAN, PEJABAT PENDAFTAR

CORETAN AKTIVITI

Bahagian Kesejahteraan Personel

Tarikh: Rabu, 20 Mac 2013 | Program: Motivasi Bulanan | Tajuk: **Fantasia Bulan Madu** | Skop Kupasan: Hubungan Suami Isteri | Penceramah: Ustaz Nizam bin Ali, Pegawai Agama, Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang



Tarikh: Rabu, 10 April 2013 | Program: Bengkel Keibubapaan | Tajuk: **Bengkel Parenting: Anak Autisme** | Skop Kupasan: Peranan Ibu bapa Anak Autisme | Penceramah: Dr. Hasnah binti Toran, Pensyarah Pendidikan Khas, Fakulti Pendidikan, UKM



Tarikh: Rabu, 19 Jun 2013 | Program: Bengkel Kewangan | Tajuk: **POWER!** | Skop Kupasan: Pengurusan Wang Ringgit Anda | Penceramah: Encik Raju A/L Periasamy (Kaunselor Kredit), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Cawangan Melaka

Tarikh: Khamis, 30 Mei 2013 | Program: Motivasi Bulanan | Tajuk: **Senyum Dalam Tekanan** | Skop Kupasan: Pengurusan Tekanan | Penceramah: Puan Intan Rohaida binti Abdullah, Perunding Motivasi

Oleh:
MUHAMAD HAZRUL BIN MD ESA K.B, P.A (Mal)

Tarikh: Jumaat, 29 Mac 2013 | Program: Bengkel Kewangan | Tajuk: **POWER!** | Skop Kupasan: Pengurusan Wang Ringgit Anda | Penceramah: Encik Mohd Romzi (Kaunselor Kredit), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Cawangan Melaka



Tarikh: Selasa, 30 April 2013 | Program: Motivasi Bulanan | Tajuk: **Cinta Sampai Syurga** | Skop Kupasan: Perkahwinan | Penceramah: Encik Abil Fikri bin Ahmad, Penceramah Bebas



*Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin*

daripada kami:
Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar

KEMASUKAN

Sesi 2013/2014

P e l a j a r D i p l o m a

Lebih membanggakan, UTeM telah menunjukkan perkembangan yang progresif selain menawarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang unik berteraskan praktikal dengan tumpuan dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi. Bidang Tujahan (Niche Area) iaitu Teknologi Pembuatan Termaju yang telah ditetapkan juga memberi nilai tambah kepada program akademik yang ditawarkan di sini selain kecemerlangan penyelidikan UTeM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang mana ianya antara faktor utama yang menarik minat pelajar mengikuti pengajian di Universiti ini.

UTeM, Durian Tunggal, Melaka : Pendaftaran pelajar baharu program Diploma UTeM bagi Sesi Akademik 2013/2014 telah mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan apabila menerima seramai hampir 309 orang pelajar yang hadir mendaftar diri bagi melanjutkan pengajian di dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat (ICT) pada 2 Jun 2013 yang lalu.

Kemasukan pelajar baharu pada kali ini dilihat lebih besar jumlahnya berbanding tahun sebelum ini. Peningkatan jumlah kemasukan pelajar ke UTeM ini membuktikan bahawa kemudahan pengajian di institusi ini mendapat perhatian serta kepercayaan masyarakat khususnya di kalangan pelajar serta ibu bapa.



Oleh:
MAHATHIR BIN MAZIZAN

TAMAT PENGAJIAN



F **Hazriq Izzuan bin Jaafar**
Ijazah Sarjana Kejuruteraan
(Mekatronik dan Kawalan Automatik)

Pada 6 Februari 2013
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

K
E **Nur Asmiza binti Selamat**
Ijazah Sarjana Kejuruteraan
(Mekatronik dan Kawalan Automatik)

F
K
M **Siti Norbaya binti Sahadan**
Ijazah Sarjana Sains
(Kejuruteraan Mekanik dan Bahan)

Pada 11 Mac 2013
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM).

I j a z a h S a r j a n a

F **Mohd Hanif bin Che Hasan**
Ijazah Sarjana Kejuruteraan
(Mekatronik dan Kawalan Automatik)

Pada 6 Februari 2013
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

T
K **Mohd Faizal bin Halim**
Ijazah Sarjana Kejuruteraan
(Inovasi dan Reka Bentuk Kejuruteraan)

Pada 14 Mac 2013
Universiti Putra Malaysia (UPM)

F
K **Syahrul Hisham bin Mohamad @
Abd Rahman**
Ijazah Sarjana Kejuruteraan
(Mekatronik dan Kawalan Automatik)

Pada 6 Februari 2013
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

D o k t o r F a l s a f a h

F
K
P **Muhammad Zaimi bin Zainal Abidin**
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Regional
Environment Systems
Pada 16 Mac 2013
Shibaura Institute of Technology, Jepun.

Mohd Sanusi bin Abdul Aziz
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Manufacturing
System Engineering
Pada 22 Mac 2013
Kanazawa University, Jepun.

Salam Aiditilmi

daripada kami
Pejabat Pendaftaran



F
K
E
K
K
D
B
P
I

Mohd Shakir bin Md Saat

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Pada 18 Mac 2013
The University of Auckland, New Zealand.

Anis Suhaila binti Mohd Zain

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Pada 22 Mei 2013
University of Glasgow, United Kingdom.

Khoo Chin Foon

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains pada 20 Mei 2013
Australian National University, Australia.

Aida Nasirah binti Abdullah

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi Pada 19 April 2013
Dari University of Otago, New Zealand.

F
K
M
F
T
M
K

Rainah binti Ismail

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal Pada 25 Februari 2013
University of Glasgow, United Kingdom.

Rafidah binti Hasan

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal Pada 12 Jun 2013
University of Liverpool, United Kingdom.

Shamsul Anuar bin Shamsudin

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal Pada 4 Mei 2013
University of Dayton, Amerika Syarikat.

Zeratul Izzah binti Mohd Yusoh

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Information Technology Pada 15 Jun 2013
Queensland University of Technology, Australia.

F
K
E
F
P
T
T

Ahmad Zaki bin Shukur

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Robotics and Motion Control Pada 22 Mac 2013
Yokohama National University, Jepun.

Fariz bin Ali@Ibrahim

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Robotik Pada 22 Mac 2013
Yokohama National University, Jepun.

Norhidayah binti Mohamad

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pentadbiran Perniagaan pada 20 Mac 2013
Aichi University, Jepun.

Amiruddin bin Ahamat

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Keusahawanan Pada 10 Jun 2013
University of Sheffield, United Kingdom.



- FKE - Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- FTK - Fakulti Teknologi Kejuruteraan
- FKM - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- FKEKK - Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
- FKP - Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- FPTT - Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
- PBPI - Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
- FTMK - Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Oleh:
ERDALIA ERNA BINTI DAUD

Daripada kami:
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
Pejabat Pendaftar

**SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
MAAF ZAHIR DAN BATIN**





Zeratul Izzah Mohd Yusoh
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi,
PhD, Queensland University of Technology,
Australia (15 Jun 2012)

15 Jun 2013, balik dari menjaga peperiksaan di Kompleks Sukan, saya terus membuka email QUT.

Congratulations! The Chairperson of the Research Degrees Committee determined that you have completed all requirements for the higher degree award of Doctor of Philosophy.

Alhamdulillah! Segala puji bagi Allah. Sesuatu yang pernah saya rasakan mustahil, akhirnya dengan kuasaNya, selesai juga. Setinggi penghargaan kepada penaja-penaja; Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kementerian Pengajian Tinggi di atas peluang dan ruang yang diberikan, penyelia-penyelia PhD yang menjadi mentor akademik yang utama, ibu bapa, keluarga dan kawan-kawan yang tidak pernah berhenti memberi sokongan. Jutaan terima kasih.

Berdasarkan pengalaman sendiri, perjalanan PhD yang dilalui bukan sahaja mencabar tahap intelektual atau pun kemahiran akademik, malah, yang lebih utama, ia turut menguji ketahanan mental dan emosi seseorang. Setiap pelajar PhD pasti ada kisah dan cabaran yang tersendiri, dan ini kisah saya...

Sehari sebelum Ramadan, di akhir tahun 1 pengajian, saya dikejarkan ke Wad Kecemasan Mater Hospital Brisbane kerana sakit di bahagian perut yang amat sangat. Dua minggu kemudian saya disahkan mempunyai ketumbuhan yang serius dan memerlukan pembedahan segera. Sebulan bercuti dari melakukan sebarang tugas PhD kerana kesakitan yang hanya dapat dibendung dengan pil penahan sakit. Dengan izinNya dan berkat bulan Ramadan, pembedahan berjaya dilakukan dan saya diminta berehat dua bulan untuk proses pemulihan. Cabaran kedua pula apabila kawasan universiti, terutama bangunan fakulti mengalami kerosakan serius akibat banjir teruk di Brisbane. Banjir terburuk sejak 1974! Bangunan fakulti ditutup selama 3 bulan dan semua pelajar dan staf tidak dibenarkan mengambil sebarang dokumen di dalam bangunan. Komputer dan pelayan yang menyimpan data-data penyelidikan juga tidak dapat dicapai kerana ketiadaan elektrik. Masa berlalu begitu sahaja tanpa sebarang kemajuan yang signifikan.



Secara keseluruhan, pengajian PhD saya terbengkalai selama kurang lebih enam bulan.. . mampukah saya mengejar masa? Relevankan lagi teknik yang dicadangkan? Cukupkah wang yang ada untuk memanjangkan tempoh pengajian? Semua ini benar-benar menguji ketabahan saya. Dan saya percaya, ada rakan-rakan PhD yang lain yang mengalami cabaran yang jauh lebih besar dan lebih hebat lagi. Apa yang penting semua cabaran ini memantapkan kita, dan usai pengajian, selain sijil PhD, apa yang lebih berharga adalah nilai yang diperolehi daripada cabaran-cabaran ini, Alhamdulillah.

Beralih kepada hal akademik, PhD yang dijalankan adalah berkisar kepada pembangunan tiga algoritma baru yang menggunakan teknik pengkomputeran evolusi, bagi menyelesaikan masalah pengurusan sumber salah satu produk *Cloud Computing*, iaitu *Software as a Service (SaaS)*. Penyelidikan ini menghasilkan tesis yang bertajuk '*Composite SaaS Resource Management in Cloud Computing using Evolutionary Computation*'. Definisi ringkas *Cloud Computing* adalah infrastruktur pengkomputeran berInternet yang besar, di mana syarikat pembekal *Cloud* menawarkan servis-servis IT atas talian kepada pengguna. Servis ini diuruskan secara automatik oleh mekanisma yang terdapat di dalam infrastruktur *Cloud*. Salah satu servis yang ditawarkan adalah SaaS. SaaS adalah perisian atas talian dan antara contohnya adalah GoogleDocs, Salesforce CRM dan Adobe Creative Cloud. Ia adalah antara servis *Cloud* yang mendapat permintaan yang tinggi di kalangan pengguna, di mana penyelidik ekonomi melaporkan keuntungan SaaS akan meningkat ke USD40.5 billion pada tahun 2014 nanti. Keadaan ini membuatkan pembekal SaaS dan *Cloud* perlu memantapkan mekanisma pengurusan automatik mereka.

Penyelidikan PhD saya telah mengenalpasti tiga proses utama yang dalam pengurusan SaaS yang perlu diperbaiki dalam menangani permintaan yang tinggi dari pengguna iaitu: 1) peletakan komponen SaaS di pelayan *Cloud*, 2) pengelompokan komponen SaaS untuk sesuatu servis, dan 3) penskalaan komponen SaaS. Tiga algoritma telah direka dan dibangunkan bagi setiap proses ini. Algoritma tersebut adalah berdasarkan teknik pengkomputeran evolusi dan dibangunkan khusus untuk memastikan SaaS beroperasi dengan pantas, di samping dapat menjimatkan sumber pengkomputeran *Cloud*. Semua algoritma ini telah diuji dalam simulasi *Cloud* dan juga telah dibandingkan dengan algoritma dan heuristik yang sedia ada. Berdasarkan keputusan eksperimen, algoritma baru yang dicadangkan menghasilkan SaaS dengan prestasi yang lebih efisien di samping dapat menjimatkan kos pembekal SaaS/*Cloud*.

Akhir kata, saya berharap semua pengalaman dan ilmu yang diperolehi dari proses PhD ini dapat saya manfaatkan dalam membangunkan Universiti dan juga anak bangsa.



Bangunan Science and Engineering Faculty QUT yang baru

Khoo Chin Foon
Faculty of Electronics and Computer Engineering (FKEKK)
PhD, Australian National University (ANU)
Canberra, Australia, 20 May 2013

My deep gratitude goes to Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) for the financial support in my study. A chance of pursuing my study at ANU has opened my eyes to the new knowledge and enriched my life experiences.

The title of my PhD thesis is "Biochemical Reaction Modelling and Singular Perturbation Analysis". Basically, my research involves three fields, i.e. mathematics, biochemistry and computer programming. Here, the stochastic modelling, together with mathematical analysis and computer simulation are used to integrate the knowledge and experimental data and make testable predictions about the behaviour of dynamic biochemical processes. As the computational complexity and storage requirements of the stochastic models always grow exponentially with the number of dimensions of chemically reacting species and their population levels, two new approximation techniques have been developed specifically to extract the useful data while maintaining the high dimensional problem in a tractable level. The efficiency of these approaches was tested on several dynamic biochemical systems and the corresponding numerical results indicate that the computational costs of these approaches are significantly reduced.

The journey of getting a PhD may full of challenges, let's share a proverb:

If we had no winter, the spring would not be so pleasant: if we did not sometimes taste of adversity, prosperity would not be so welcome

--Anne Bradstreet

If winter is around the corner, I believe spring is not too far behind.



Shamsul Anuar Bin Shamsudin (00169)
Ph.D. Engineering
The University of Dayton, USA

Saya menerima ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan daripada University of Dayton (UD) dalam bidang Mekanikal pada 4 Mei, 2013. Tajuk disertasi saya di bawah pimpinan Prof. Andrew Murray (Drew) ialah ***Kinematic Synthesis of Planar, Shape-Changing Rigid Body Mechanisms for Design Profiles with Significant Differences in Arc Length***. Saya sangat bersyukur kepada Allah kerana mengabulkan doa saya dan keluarga. Di ruangan ini juga saya ucapkan jutaan terima kasih kepada UTeM, FKM dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana sudi memberikan peluang dan sokongan kewangan untuk saya mengikuti pengajian ini. Tidak lupa juga saya berterima kasih dengan pertolongan dan pengorbanan isteri saya, Asmida Binti Ismail, dan anak-anak yang turut menempuh pelbagai pengalaman pahit-manis bersama-sama di luar negara. Terima kasih juga kepada ibu bapa kami, ahli-ahli keluarga yang lain, serta rakan-rakan yang turut memberi semangat untuk saya menyelesaikan pengajian ini.

Pengajian kedoktoran saya bermula pada 7 Januari 2008 setelah tiba seminggu awal di Dayton, Ohio, USA. Tiada orang Malaysia yang saya kenali lebih awal di sana untuk membantu saya dan keluarga. Tajuk dan penasihat tesis juga masih belum pasti ketika itu. Tapi setelah bertemu Ketua Jabatan, Prof. Kevin Hallinan, beliau mencadangkan Drew untuk membimbing saya untuk mengkaji dalam bidang reka bentuk kinematik. Bidang ini sukar bagi saya tetapi saya rasakan tidak ramai pensyarah di Malaysia yang mengkaji bidang ini di peringkat Ph.D. Di samping memulakan penyelidikan, saya juga perlu menghadiri kelas dengan tugas, projek, dan ujian untuk sekurang-kurangnya 10 subjek. Kursus-kursus ini antara lain meliputi matematik, bidang reka bentuk, pembuatan lanjutan, penggunaan komputer dalam rekabentuk, dan kinematik. Untuk penyelidikan, saya menyertai kumpulan pelajar yang mengkaji bidang yang sama yang merangkumi pelajar sarjana muda, sarjana, dan Ph.D. Kumpulan kami dikenali sebagai Design of Innovative Machine Laboratory atau DIMLab.


Selepas kelas-kelas selesai, kami melantik *doctoral committee* yang merangkumi Drew, Prof. Vinod Jain, Prof. Dave Myszka daripada UD dan Prof. Jim Schriedeler daripada University of Notre Dame. Kemudian saya mengambil ujian kelayakan bertulis yang diberikan oleh setiap daripada mereka ini. Apabila lulus, baharulah saya bantangkan proposal yang meliputi hasil kajian setakat itu dan cadangan perkara-perkara yang perlu dimuatkan dalam disertasi. Lulus peringkat ini, saya mula membuat persediaan untuk persidangan dan penulisan jurnal yang mana ini juga menyumbang kepada sebahagian besar daripada disertasi. Semasa semester musim panas 2012, saya dikurniakan biasiswa Graduate Student Summer Fellowship berdasarkan kertas kerja yang Drew dan saya kemukakan. Akhirnya, saya mempertahankan hasil kajian dalam *dissertation defense* pada 7 Disember 2012 setelah saya mengedarkan dahulu draf disertasi kepada ahli-ahli komiti. Setelah berhujah dan memberi penerangan lanjut tentang apa yang tertulis dalam dokumen, saya akhirnya lulus tetapi ada kerja pembetulan diperlukan. Dengan bimbingan Drew, pembetulan dan penambahbaikan ini saya lakukan di Malaysia setelah melaporkan diri untuk bertugas pada 26 Disember 2012.



Dari Kiri: Lin, Shamsul Anuar, Amri, Drew Murray, Tong, Jon, dan Jo ketika meraikan perpisahan saya sebelum berangkat pulang ke Malaysia.

Pada dasarnya, saya merasakan pengalaman melihat dan melalui sistem pengajian dan kehidupan masyarakat di situ lebih terkesan di hati. Sikap mereka memberi peluang pelajar berinteraksi, bekerja di perpustakaan, kafe, di jabatan-jabatan dalam universiti, di makmal-makmal, menjadi *student grader*, tutor, aktiviti sukan dan sosial, menjadikan pelajar-pelajar tidak berkembang dalam akademik semata-mata. Masyarakat setempat juga amat berbangga dengan kolej dan universiti mereka. Sistem masyarakat juga menggalakkan inovasi dan keusahawanan. Ini terlihat dengan penciptaan kapal terbang (*Orville dan Wilbur Wright*), mesin daftar tunai (syarikat NCR - John Patterson), dan alat penyalaan enjin secara elektrik (syarikat Delco - Charles Kettering) yang mana ini semua menjadi sebahagian daripada hidup seharian kita.

Tidak ramai pensyarah-pensyarah Malaysia yang mahu sambung Ph.D. di Amerika Syarikat disebabkan faktor ujian dan kelas-kelas yang perlu diambil. Namun, saya dan ramai pihak berpendapat kelas-kelas itu dapat meningkatkan ilmu kita bukan sahaja untuk penyelidikan kita, bahkan juga untuk pengajaran kelak atau untuk meluaskan pengetahuan kita. Tidak dinafikan faktor ini sedikit melengahkan selesainya pengajian tetapi kebaikannya adalah lebih bermanfaat. Akhirnya, yang penting ialah kita menimba ilmu untuk berbakti dengan lebih baik.



Wright Flyer ciptaan anak jati Dayton yang mencetus industri penerbangan dunia.



Kettering Lab iaitu bangunan School of Engineering di mana saya menjalani sebahagian besar kuliah dan penyelidikan.



Bahagian Kesejahteraan Personel, Pejabat Pendaftaran

Salam Lebaran daripada kami...
Maaf Zahir dan Batin

Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftaran



MEMORI HARI RAYA

Di suatu petang...

"...Mak, macam mana mak masak kuah lodeh ni ye... sedap la mak... Aina ada gak cuba masak... tapi asyik tak menjadi jek... tak rasa macam yang mak masak ni... memang sedap,..."

Ha... tu la dialog yang aku rasa tak 'miss' aku ucap masa menikmati juadah Hari Raya di rumah mertua tiap tahun... Insya Allah, masuk raya tahun 2013 ni bermakna dah 6 tahun la aku beraya dengan mertua.

Orang kata mana syok beraya dengan mertua.. Yelah.. itu pendapat orang kan... Yang penting bagaimana kita mencorakkan Hari Raya tu sebagai tanda kesyukuran meraikan 'kemenangan'.

Bagi yang dah bergelar menantu, pengalaman beraya bersama mertua pastinya takkan lepas daripada ingatan korang.

Apa orang kata: lain tempat, lain cara sambutan Hari Raya ye...? Ada yang meriah, ada gak yang biasa-biasa saja. Apapun, semuanya sama je... berbaju serba baru, Solat Sunat Hari Raya, zarah-menziarahi dan pastinya aneka juadah raya seperti kuih-muih, lemang dan ketupat.

Seperti biasa la... biasanya aku dan keluarga akan pulang ke rumah mertua sehari sebelum menyambut lebaran. Maklum la, rumah mertua pun di Melaka je.. Dah menjadi kebiasaan ibu mertuaku untuk menyediakan bahan-bahan untuk memasak pada sebelah petang sebelum Hari Raya.

Bersama Mertua

Keadaan masa tu jangan tanya.. memang sibuk. Nampaknya, seharian la aku kena singsing lengan baju... Daripada parut kelapa, kupas bawang, anyam ketupat, isi beras dalam sarung ketupat, rebus ketupat semuanya dibuat bersama mertua.

Amboi.. seronok memang la seronok... Dalam pada sibuk tu sempat gak aku tanya resipi lodeh mertua yang sedap tu.. Ha,, apalagi masa ni la aku kena dengar betul-betul resipi tu.. apa bahan-bahannya.. yelah takut-takut tak menjadi lagi kuah lodeh aku... Hehehe

I Syawal...

"Allahuakhbar... Allahuakhbar..." Laungan sayu takbir bergema. *Time* ni ibu mertua memang sibuk nak siapkan hidangan.. Aku pun tak menang tangan tolong apa-apa yang patut kat dapur.

Lepas menikmati hidangan di pagi raya, masing-masing sibuk bersiap-siap untuk ke masjid pulak.

Usai menyiapkan suami dan anak-anak, macam biasa masing-masing bersalaman dengan ibu dan ayah mertua, mohon ampun maaf dan redha mereka... Akhir sekali, kami semua jalan beriringan menuju ke masjid untuk solat sunat Hari Raya bersama-sama.

Oleh:
NURUL HAINA BINTI ABU BAKAR



aku bersama ibu mertua...

RAYA SEHARI



31 Mei 2013
Nur Fazilah binti
Mohd Kassim



Muhamad Mokhtar
bin Abdul Jalil

Kelahiran si comel...


16 Mei 2013
Ahmad Solahuddin bin
Zaid
Putera kepada...
Zaid bin Abdullah
(Juruteknik BPA)



Oleh:
FARIDAH BINTI AHMAD


Back

Buletin TERAS : Salam Perantauan



Kamarul Bin Amir Mohamed dan Zaiton Abdul Mutalip
University of Hertfordshire, United Kingdom

Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin daripada Kamarul Amir Mohamed dan keluarga kepada semua warga UTeM. Terutamanya rakan-rakan di FKP dan FKEKK serta Bahagian Cuti Belajar (BCB). Doakan kejayaan & kesejahteraan kami sekeluarga di sini. Makan rendang dan ketupat jangan lupakan kami.



Ir. Nik Azran Bin Ab Hadi
Swansea University, United kingdom

Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin dari kami sekeluarga. Semoga Allah memberkati dan merahmati kita semua.



Fadhli bin Syahril
Ehime University, Jepun

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera

Marhaban Ya Ramadan

Andai tangan tak kuasa menjabat, setidaknya kata masih dapat terungkap, mohon dibuka pintu kemaafan atas segala kekhilafan diri kami.

Minnal Aidin Wal Faizin

Tiada hari seindah Jumaat, tiada kata seindah Zikir, tiada ibadah seindah Solat, tiada bulan seindah Ramadan dan tiada hari yang dinanti seindah Aidilfitri.

Saya Fadhli bin Syahril dan isteri setulus hati ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan dan Salam Aidilfitri 1434 Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga UTeM



Nurul Ain Binti Mohd Said
University of New South Wales
Sydney, Australia

Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin kepada seluruh warga UTeM. Mohon ampun dan maaf atas segala salah dan silap, terkasar bahasa, halalkan makan dan minum dan halalkan segala ilmu yang dikongsi dan dicurahkan. Doakan kejayaan kami disini. Makan rendang dan ketupat jangan lupakan kami disini. Salam Aidilfitri di perantauan.



Hold to Talk